



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KOPERASI PEKEBUN KECIL (KPK)
TAHUN 2018
DAN
MESYUARAT AGUNG KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL
BERHAD (NARSCO) KALI KE-34**

**DISEMPURNAKAN OLEH:
YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN HJ AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

TARIKH: 26 JUN 2018 (SELASA)

MASA : 11.00 PAGI

Ybhg. Dato' Zamri bin Yaakob
Pengerusi NARSCO Berhad

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Encik Abdullah bin Zainal,
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBrs. Tn.Hj. Amran bin Jaafar,
Pengarah Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi

YBrs. Tn Hj Zakaria bin Ismail
Penasihat Naza Plantation & Services Sdn.Bhd

YBrs. Pn Nursyafinaz binti Rosli
Pengarah Urusan Hevea Freeze Sdn. Bhd

YBhg. Pengarah-Pengarah Bahagian/ Pengarah-Pengarah RISDA
Negeri/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis ini yang amat bermakna kepada semua ahli Koperasi Pekebun Kecil di bawah kelolaan RISDA. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya peserta-peserta Seminar Koperasi Pekebun Kecil Tahun 2018 kerana dapat hadir ke majlis ini.

2. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesungguhan kita semua untuk menyokong dan memperkasakan pergerakan koperasi supaya mampu mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang. Saya dimaklumkan dalam majlis ini terdapat lebih 200 orang pekebun kecil yang merupakan ahli-ahli Koperasi Pekebun Kecil daripada seluruh negara.

Dato-dato, Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Koperasi Pekebun Kecil merupakan penggerak utama kepada usaha-usaha untuk melonjakkan kegiatan ekonomi bumiputera di luar bandar khususnya pekebun kecil. Sepertimana kita sedia maklum, NARSCO merupakan satu badan induk koperasi pekebun kecil yang menyatukan 63 buah koperasi di bawahnya dengan keahlian terkini

seramai **182,534 orang** dan saham terkumpul sebanyak **RM 46.163 juta** .

4. Dengan adanya sumber modal ini, pelbagai aktiviti ekonomi boleh dijana dan dikembangkan untuk memperoleh keuntungan yang besar di samping ahli-ahli juga akan mendapat penambahan pendapatan melalui bayaran dividen tahunan, harga diskaun ke atas belian barangan dan perkhidmatan, bayaran rebat atau mendapat sumbangan

dan pembiayaan daripada pihak koperasi melalui tabung dermasiswa, tabung kebajikan dan lain-lain. Namun demikian, untuk memperoleh kejayaan tersebut, ahli-ahli koperasi perlu memainkan peranan masing-masing bagi menyokong pergerakan koperasi ini supaya berkembang.

5. Dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil melalui Koperasi Pekebun Kecil (KPK) RISDA sentiasa

menyokong KPK dengan melaksanakan perkara-perkara berikut :

- i. Membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan koperasi melalui latihan, seminar dan bengkel yang bersesuaian.
- ii. Meningkatkan ruang dan peluang melalui Bantuan Pembangunan Koperasi Pekebun Kecil bagi membantu meningkatkan keupayaan koperasi

membina entiti perniagaan berskala lebih besar supaya dapat bersaing dengan pasaran luar. Contohnya pembangunan ladang, pemasaran, bekalan input pertanian dan bantuan pengurusan. Namun demikian, bantuan ini hanya boleh diberikan bergantung kepada kelulusan peruntukan tahunan. RISDA telah menyalurkan sebanyak **RM5.598 juta** untuk membiayai Bantuan Pembangunan Koperasi Pekebun Kecil dari tahun 2012 sehingga 2017. Sebanyak **69**

KPK termasuk NARSCO telah menerima bantuan Pembangunan KPK dalam bentuk bantuan input pertanian, bantuan pengurusan, dan geran pembelian lori, hilux dan jentera ladang.

- iii. Melibatkan KPK dalam program RISDA agar dapat menarik lebih ramai pekebun kecil menjadi ahli KPK sekaligus dapat menambah saham koperasi. Aktiviti yang dilibatkan adalah seperti Program Kasih

Pekebun , kempen tanam semula, kempen membaja, latihan GAP dan lain-lain.

- iv. Membimbing dan melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya di kalangan anggota-anggota koperasi.
- v. Memantau pengurusan dan perjalanan koperasi melalui mesyuarat dan laporan berkala supaya sistem operasi koperasi dapat diperkemaskan dari semasa ke semasa dan,.

- vi. Menggalakkan jalinan kerjasama dengan Syarikat Milikan RISDA dalam pelaksanaan projek pembangunan RISDA.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

6. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada **NARSCO Berhad** kerana telah berjaya memperoleh **keuntungan bersih operasi** sebanyak **RM 485,416** pada akaun **berakhir 31 Disember 2017** dan menyaksikan

peningkatan pendapatan tahunan sebanyak **RM 258.247 juta** berbanding **RM 116.755 juta** pada tahun 2016. Peningkatan ini menunjukkan NARSCO telah mampu mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih tinggi dan berdaya maju.

7. Saya juga mengucapkan tahniah kepada NARSCO dan koperasi yang berterusan mengadakan jalinan perniagaan strategik samada sesama koperasi , Syarikat Milikan RISDA

dan syarikat luar untuk menjana pendapatan dan pada hari ini ianya dibuktikan melalui MOU di antara:

- i. NARSCO dan Naza Plantation & Services Sdn. Bhd
- ii. NARSCO dan Hevea Freeze Sdn Bhd

8. Akhir kata melalui doa dan harapan agar Koperasi terus berjaya demi pekebun kecil, saya dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** merasmikan **Seminar Koperasi Pekebun Kecil (KPK) Tahun 2018 dan Mesyuarat Agung**

Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Bhd (NARSCO)
kali ke-34.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Terima kasih.